

Membina tamadun keunggulan

BA-25/7/2007

Sambutan 50 tahun merdeka paling sesuai perkukuh perpaduan capai Misi 2057



TANGGAL 31 Ogos ini rakyat akan menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara. Tentu banyak acara disusun pada peringkat Persekutuan mahupun negeri. Pada peringkat syarikat berkaitan kerajaan atau GLC, usaha menyambut ulang tahun kemerdekaan dimulakan menerusi Kutipan Peringatan Merdeka oleh bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan yang juga pemenang hadiah Nobel. Acara berprestij diadakan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, 12 Julai lalu.

Annan mengiktiraf dan memuji beberapa pencapaian Malaysia membangunkan ekonomi dan urus tadbir politik. Pengalaman pembangunan unik Malaysia wajar dijadikan model yang boleh diakses dan sesuai bagi negara kurang membangun termasuk Afrika.

"Banyak yang anda boleh banggakan. Kebanyakan rakyat Malaysia terjamin dari segi kewangan dan ada tahap mobiliti sosial yang tinggi. Saya boleh lihat ini dengan jelas mungkin kerana saya tahu negara saya sendiri - Ghana, yang mendapat kemerdekaan lima bulan sebelum Malaysia, bermula dengan banyak persamaan.

"Kedua-dua negara merdeka itu kaya dengan sumber semula jadi, rizab mata wang asing dan emas yang banyak, undang-undang British yang mantap dan institusi politik serta sistem pendidikan yang sama," katanya.

Selain itu, tahap pendapatan perkapita mereka secara amnya sama. Bagaimanapun, menjelang abad ini, tidak banyak persamaan yang wujud antara kedua-dua negara. Pendapatan perkapita Keluaran Negara Kasar (KNK) Malaysia sebanyak hampir AS\$4,000 kira-kira 18 kali lebih besar daripada pendapatan perkapita Gha-

na di bawah paras AS\$300.

"Malaysia boleh membantu menunjukkan wajah berbeza kepada dunia, iaitu suatu tempat yang masyarakat berbilang kaum dan agama hidup aman serta sama-sama membangunkan negara. Di Malaysia, sempadan agama, budaya dan bahasa dilindungi, bukannya diancam, hak politik diberikan dan kontrak sosial sama-sama dirundingkan sekali gus menjadi resipi mengelakkan konflik," kata Annan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi yang juga Pengerusi Khazanah Malaysia Berhad tentunya bersyukur dan gembira mendengar pengiktirafan Annan terhadap kejayaan Malaysia mengisi kemerdekaan negara dengan jayanya sejak 50 tahun lalu.

Begitupun, sejarah adalah guru terbaik. Perdana Menteri menyaksikan peristiwa 13 Mei 1969 yang menjadi teladan betapa kita hampir gagal memelihara nikmat kemerdekaan yang sinonim dengan pembentukan masyarakat yang hidup aman dan damai, tidak bersengketa dan patuh kepada keluhuran undang-undang, bukan sebagai pemerhati dan pengulas kejadian. Perdana Menteri memikul amanah secara langsung ketika pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang ditubuh Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussien bagi menangani susulan peristiwa berdarah itu.

Di situlah Abdullah menimba banyak pengalaman untuk bertindak cepat, tegas dan tanpa waswas memperkenalkan pelbagai undang-undang, dasar dan program bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, berintegriti, berkongsi nikmat kekayaan negara, memerangi kemiskinan dan memulakan usaha merapatkan jurang ekonomi antara kaum.

Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan banyak lagi inisiatif diperkenalkan. Pengalaman berkhidmat di MAGERAN menjana gaya kepemimpinan Perdana Menteri yang amat menitikberatkan aspek bina upaya modal insan dan penyuburan nilai murni di kalangan rakyat. Beliau melihat betapa bangunan tersergam gagah dan bandar raya yang dihias indah boleh musnah sekelip mata jika penghuninya gagal

menahan kesabaran, dibakar api kemarahan dan mudah diprovokasi sehingga sanggup bertindak membakar dan memusnahkan bangunan, harta benda dan nyawa.

Kalau peristiwa 13 Mei tidak dibendung dengan cepat dan cekap, itulah yang berkemungkinan berlaku - kemusnahan bangunan, nyawa dan harta benda yang berleluasa. Lalu, walaupun tidak diisytiharkan secara rasmi, beberapa pemimpin akar umbi yang ditemui menafsirkan bahawa Perdana Menteri sekarang bukan setakat membangunkan negara dan memajukan rakyat, tetapi sedang mengusahakan satu kebangkitan tamadun keunggulan di Malaysia. Lazimnya apabila tamadun keunggulan dapat dimajukan dengan jayanya, tamadun itu akan menjadi ikutan dan dijadikan contoh oleh masyarakat atau negara lain.

Mempercayai bahawa impian dan usaha gigih Perdana Menteri menjurus kepada pembinaan tamadun baru di Malaysia, maka bolehlah dikatakan bahawa segala gerak kerja beliau sejak menjadi Perdana Menteri adalah fokus kepada perjuangan tiga tahap iaitu, tahap pertamanya tahap tamadun masyarakat Malaysia cemerlang, tahap kedua, masyarakat gemilang dan tahap ketiga masyarakat terbilang.

Untuk menyokong usaha Perdana Menteri, semua pemimpin organisasi, akar umbi, masyarakat dan keluarga perlu menetapkan KPI atau kunci petunjuk prestasi yang boleh dikaitkan dengan pencapaian tahap kemajuan atau pencapaian berstatus cemerlang, gemilang dan terbilang.

Tanpa usaha strategik ini, kita akan hilang fokus dan stamina untuk mengikut jejak dan mencontohi semangat kental Perdana Menteri yang tidak pernah jemu atau putus harapan dalam menyampaikan seruan dan mesej untuk bina upaya modal insan dan manhaj Islam Hadhari, iaitu dua daripada banyak lagi komponen gerak kerja beliau bagi mencipta satu tamadun masyarakat Malaysia terbilang.

Rakyat Malaysia wajar diingatkan bahawa usaha membina tamadun Malaysia terbilang memerlukan kegigihan dan kesabaran. Ia memerlukan tempoh panjang.

Lihat saja tamadun kegemilangan Islam terdahulu. Era Pertama, dari 622 hingga 770, pengukuhan empayar Islam. Era kedua dari 850 hingga 1256, penyemarakan budaya, perdagangan dan ciptaan oleh tokoh Islam, era ketiga, dari 1326 hingga 1566, kecekapan pentadbiran Empayar Uthmaniah.

Menyedari hakikat itu, Perdana Menteri mencanangkan inisiatif Misi 2057 yang menjadi satu usaha mengajak rakyat agar berfikiran futuristik dalam merancang jauh ke hadapan. Abdullah mahukan kegembiraan menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan diikuti keazaman baru untuk melakar strategi dan memajukan usaha bagi meningkatkan tahap kemajuan negara ke peringkat lebih tinggi menjelang 50 tahun akan datang apabila rakyat Malaysia menyambut ulang tahun ke-100 kemerdekaan pada 2057.

Waswas, ragu-ragu dan kurang keyakinan adalah musuh utama manusia. Maka itulah, kita diingatkan untuk berdoa bagi mengelakkan rasa waswas. Doa inilah yang menjadi amalan Perdana Menteri yang kelihatan begitu tegas dan konsisten dalam membuat keputusan dan menetapkan fokus pembangunan negara meliputi pembangunan koridor, pengurusan petunjuk kemajuan ekonomi negara, pengembangan manhaj Islam Hadhari, lonjakan kuantum pendidikan, kemajuan masyarakat luar bandar, penghapusan kemiskinan tegar, pembanterasan jenayah, peningkatan kesejahteraan sosial rakyat, pemeliharaan keselamatan dan pertahanan negara serta meluaskan hubungan antarabangsa.

Secara kebetulan, hari ulang tahun kemerdekaan kali ini jatuh pada Jumaat. Semoga khutbah Jumaat yang bakal dibaca pada 31 Ogos kelak menyeru rakyat Malaysia ke arah pembinaan keyakinan diri, pengukuhan istiqamah dan memperkuatkan keazaman untuk berjuang sebaris dan sehaluan dengan Perdana Menteri bagi menjadikan Misi 2057 sebagai pemangkin pembinaan tamadun Malaysia terbilang.

Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif adalah Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM)